

13/02/2005

Dr Siti Hasmah sebak kenang mangsa tsunami

LANGKAWI: Suasana riang pertemuan antara Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan 100 Ahli Perkumpulan Wanita (WI) daerah ini, semalam, bertukar menjadi pilu apabila beliau tiba-tiba sebak dan hampir menitis air mata ketika berucap.

Dr Siti Hasmah kelihatan sebak dan bergenang air mata apabila menceritakan pengalaman tiga hari beliau dan suaminya, Tun Dr Mahathir Mohamad, meninjau kesan tsunami di Aceh pada Majlis Ramah Mesra di Auditorium Galeria Perdana, di sini.

Beliau berkata, sepanjang di Aceh bersama pasukan Aman Malaysia yang diketuai anaknya, Datuk Mukhriz, banyak pengalaman baru berkaitan nilai kemanusiaan dan keagungan Tuhan dipelajari untuk dikongsi bersama penduduk negara ini.

"Saya pernah mengunjungi beberapa negara luar sepanjang menjadi isteri Perdana Menteri dan menimba pengalaman menarik, tetapi situasi tiga hari di Banda Aceh awal bulan ini amat menyentuh perasaan.

"Penderitaan ditanggung rakyat Aceh akibat tragedi tsunami cukup dahsyat dan air mata simpati belum cukup untuk menggembirakan mereka yang dilanda trauma," katanya dengan nada sebak sebaik memulakan ucapan pada majlis itu.

(END) Source : Berita Harian